

DHNP HYDROXYUREA CAPSULE®

Hydroxyurea (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DHNP

HYDROXYUREA

2. Bagaimana DHNP

HYDROXYUREA berfungsi

3. Sebelum menggunakan DHNP
HYDROXYUREA

4. Cara menggunakan DHNP
HYDROXYUREA

5. Semasa menggunakan DHNP
HYDROXYUREA

6. Kesan-kesan sampingan

7. Cara penyimpanan dan pelupusan
DHNP HYDROXYUREA

8. Maklumat Produk

9. Pengilang dan Pemegang
Pendaftaran Produk

10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan DHNP

Hydroxyurea

DHNP Hydroxyurea digunakan untuk merawat pelbagai jenis kanser seperti leukemia dan kanser ovari.

Bagaimana DHNP Hydroxyurea

berfungsi

DHNP Hydroxyurea adalah ubat anti-kanser. Ia bertindak dengan mengganggu pertumbuhan sel kanser

Sebelum menggunakan DHNP

Hydroxyurea

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil DHNP Hydroxyurea:

- jika anda mempunyai alahan kepada hydroxyurea, atau mana-mana bahan yang terkandung dalam ubat.
- jika fungsi sumsum tulang anda terjejas (cth. pengurangan dalam sel darah putih, sel darah merah atau platelet)

- Sebelum menggunakan DHNP

Hydroxyurea Capsule

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil DHNP Hydroxyurea jika anda hamil atau ingin hamil. Ia boleh menyebabkan kemudaratan kepada bayi yang belum lahir jika ia diberikan kepada lelaki atau wanita sebelum mengandung, atau kepada wanita hamil.

DHNP Hydroxyurea meresap ke susu ibu. Jangan ambil jika anda menyusukan anak.

Sebelum memulakan rawatan,

beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami mana-mana keadaan berikut:

- telah menerima rawatan ubat kanser sebelum ini
- telah menerima rawatan radioterapi sebelum ini
- mengalami masalah buah pinggang

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk vaksin, atau apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan anda

Sesetengah ubat-ubatan dan DHNP Hydroxyurea boleh mengganggu antara satu sama lain. Ini termasuk:

- Rawatan ubat kanser atau radioterapi sebelum ini atau yang sedang dijalankan.
- ubat yang boleh menyebabkan gangguan darah
- vaksin virus hidup

Cara menggunakan DHNP Hydroxyurea

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan menentukan dos yang akan anda terima. Dos ubat DHNP Hydroxyurea anda dikira berdasarkan berat badan anda dan jenis kanser yang anda ada. Dos yang disyorkan ialah 20-30mg/kg berat badan anda sekali sehari atau 80 mg/kg berat badan anda sekali setiap hari ketiga.

Dos yang diberikan untuk anda mungkin berbeza dengan dos untuk orang lain.

- Bila perlu digunakan

DHNP Hydroxyurea diambil sebagai dos tunggal dan boleh diambil setiap hari, atau sekali setiap tiga hari.

Mula mengambil hydroxyurea sekurang-kurangnya 7 hari sebelum memulakan radioterapi dan diteruskan semasa radioterapi serta berterusan selepas itu.

Doktor anda akan memutuskan bagaimana anda perlu mengambil kapsul dan akan menerangkan kepada anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Ambil DHNP Hydroxyurea mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini

DHNP HYDROXYUREA CAPSULE®

Hydroxyurea (500mg)

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda atau Pusat Racun Negara dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala dos berlebihan termasuk sakit, kemerahan, bengkak air di tangan & kaki diikuti dengan kulit bersisik, pigmentasi kulit & radang mulut.

Semasa menggunakan DHNP HYDROXYUREA

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu mana-mana doktor, doktor gigi dan ahli farmasi lain yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil DHNP Hydroxyurea.

Jika anda hamil semasa mengambil DHNP Hydroxyurea, beritahu doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan lupa temujanji dengan doktor anda supaya keadaan anda boleh diperiksa.

Jangan berikan DHNP Hydroxyurea kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Jangan ambil DHNP Hydroxyurea untuk merawat aduan lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.

Jangan berhenti mengambil DHNP Hydroxyurea, atau kurangkan dos, tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jika anda mengambil kandungan kapsul dengan mencampurkannya dengan air, pastikan serbuk tidak bersentuhan dengan kulit atau membran mukus secara langsung.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

DHNP Hydroxyurea boleh menyebabkan pening, rasa mengantuk atau keletihan pada sesetengah orang. Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap DHNP Hydroxyurea sebelum anda memandu kereta, mengendalikan jentera, atau melakukan apa-apa yang boleh mendatangkan bahaya.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, DHNP Hydroxyurea boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil DHNP Hydroxyurea

Kesan sampingan

- sakit kepala, pening, bingung, khayalan, dan konvulsi
- loya, muntah- muntah, cirit-birit, dan sembelit
- gangguan darah (pengurangan sel darah putih, sel darah merah dan platelet)
- kencing yang menyakitkan atau sukar
- keletihan
- ruam, kemerahan muka
- keguguran rambut
- kerengsaan gastrik
- penyakit paru-paru

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers

ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan DHNP Hydroxyurea

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C di tempat kering yang dingin. Bekas mesti ditutup dengan ketat. Lindungi daripada cahaya

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui sisa air atau sisa rumah. Pengendalian dan pelupusan ubat kanser yang betul perlu dipertimbangkan. Tanya ahli farmasi anda cara melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Produk

-Rupa produk

Kapsul berwarna hijau dan merah jambu diisi dengan serbuk berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Hydroxyurea

- Bahan tidak aktif:

Microcrystalline Cellulose, Lactose Magnesium Stearate

- Nombor MAL:

MAL20040573AZ

DHNP HYDROXYUREA CAPSULE®

Hydroxyurea (500mg)

Pengilang

Dae Han New Pharm Co.,Ltd
66, Jeyakgongdan 1-gil, Hyangnam-
eup, Hwaseong-si, Gyeonggi-do,
Republic of Korea

Pemegang Pendaftaran Produk

FIRST PHARMACEUTICAL SDN
BHD
20, Jalan SS 19/5, 47500 Subang
Jaya, Selangor

Tarikh kemaskini RiMUP

03/10/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)050122/00005